

Kerajaan tidak akan benarkan rusuhan di institusi pendidikan

UM 31 JAN 2003
ALOR GAJAH 30 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak boleh lagi membenarkan rusuhan berlaku di mana-mana pusat pengajian dan institusi pendidikan di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan mewujudkan institusi itu untuk menjaga kepentingan masa depan golongan pelajar dan rusuhan tidak seharusnya berlaku di tempat-tempat begitu.

Menurutnya, rusuhan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua berlaku kerana pelatih-pelatih terbabit di institut itu tidak mempunyai disiplin.

“Orang ini (pelatih yang terlibat dengan rusuhan) sepatutnya berdisiplin, tapi nampaknya mereka belum disiplin lagi. Kita tak boleh benarkan kejadian seperti ini berlaku lagi di tempat-tempat yang kita wujudkan untuk kepentingan mereka,” katanya mengulas rusuhan kira-kira 450 pelatih IKBN Dusun Tua, semalam.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kilang Pengeluaran Honda di Kawasan Perindustrian HICOM Pegoh, dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir yang ternyata kecewa dengan kejadian tersebut menegaskan, pelatih-pelatih di institut itu sepatutnya lebih menumpukan perhatian di bidang pelajaran dan bukan membuat perkara yang bertentangan dengan soal disiplin.

Kejadian yang berlaku awal pagi semalam itu dipercayai berpunca daripada tindakan sekumpulan pelatih senior menyerang pelatih baru institut tersebut.

Dalam kejadian itu, seramai 250 pelatih senior atau dikenali sebagai ‘Skuad 74 dan 76’ menyerang satu blok asrama pelatih baru dengan beberapa jenis senjata buatan sendiri seperti keris, tukul besi, pisau, besi tajam, kayu dan buluh mengakibatkan empat cedera ringan.